



## **ISU DAN CABARAN HUBUNGAN ANTARA PENGANUT AGAMA DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**KETUA PENYELIDIK**  
**PROF. DATIN. DR. AZIZAN BAHARUDDIN**  
**PROF. MADYA. DR. ZAID AHMAD**

**PENYELIDIK**  
**DR. AHMAD TARMIZI TALIB PROF. DR. JAYUM ANAK JAWAN**  
**PROF. MADYA DR. NURDENG DEURASEH PROF. MADYA**  
**DR. SARJIT SINGH DARSHAN SINGH**  
**DR. ADLINA ABD. HALIM DR. MOHD DAUD AWANG**  
**DR. MOHD SANI BADRON**  
**DR. WAN AZHAR WAN AHMAD**  
**DR. MOHD FARID MOHD SHAHRAN**  
**DR. MOHD ZAIIDI ISMAIL**  
**PN. ENI ZAHURA BINTI ABDUL AZIZ**  
**EN. SOFFIZZAN BIN ABDUL RAHMAN**  
**CIK NUR AYUNI BINTI MOHD ISA**

**kerjasama**

**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL  
(JPNIN) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)**  
**INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)**

**2013**

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

**“Isu Dan Cabaran Hubungan Antara Penganut Agama Di Semenanjung Malaysia”**

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kajian ini dijalankan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Jabatan Perpaduan dan Intergrasi Nasional (JPNIN). Ia merangkumi 500 orang responden di seluruh Semenanjung Malaysia. Mereka terdiri daripada 56.4% (273) beragama Islam, 16.4% (82) beragama Buddha, 14.6% (73) beragama Hindu, 8.8% (44) beragama Kristian, 3.4% (17) beragama Sikh dan 2.2% (11) beragama Tao. Majoriti responden berumur 21 – 30 tahun iaitu 43.8% diikuti mereka yang berumur 20 tahun dan kebawah iaitu 16.4% dengan jumlah lelaki dan perempuan hampir sama. Daripada jumlah responden, 35.8% mempunyai ijazah pertama, 21.8% mempunyai pendidikan tertinggi di tahap SPM. Selebihnya, mereka mempunyai pelbagai tahap pendidikan. Kemudian, kira-kira lebih separuh responden tinggal di bandar dan selebihnya di pinggir bandar.

### **DAPATAN KAJIAN**

Tujuan pertama kajian ini adalah mengenalpasti tahap pengetahuan asas responden tentang agama. Kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan responden terhadap agama adalah tinggi dengan 92.8%. Semua penganut agama mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi (melebihi 90%) terhadap agama sendiri dan agama lain.

Tujuan kedua kajian ini adalah mengenalpasti persepsi responden terhadap agama. Hampir keseluruhan responden mempunyai persepsi yang amat positif (96%) terhadap semua agama. Persepsi penganut agama Buddha, Hindu, Kristian, Sikh dan Tao adalah amat positif iaitu 100% terhadap kesemua agama manakala 96% penganut agama Islam mempunyai persepsi yang positif terhadap agama yang lain.

Tujuan ketiga kajian ini adalah mengenalpasti tahap prejudis responden terhadap agama. Secara keseluruhan 73.4% mempunyai tahap prejudis yang rendah. Sementara, 24.2% berada pada tahap prejudis yang sederhana.

Tujuan keempat kajian ini untuk mengenalpasti pandangan responden terhadap tahap kepentingan isu agama di Malaysia. Sebelas isu telah dikenalpasti dan diutarakan kepada responden yang telah diutarakan kepada responden iaitu :

1. Isu Malaysia negara Islam/sekular
2. Isu hudud
3. Isu kalimah Allah
4. Isu Bible versi Bahasa Melayu
5. Isu penyebaran agama,
6. Isu pertukaran agama,
7. Isu hak penjagaan anak,
8. Isu tuntutan/perebutan mayat
9. Isu bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah
10. Isu penghinaan terhadap agama
11. Isu tapak rumah ibadat

Kajian mendapati bahawa hampir kesemua isu tersebut penting kepada responden. Walau bagaimanapun, darjah kepentingan isu-isu tersebut berbeza antara penganut agama.

### Jadual : Tahap kepentingan isu agama bagi setiap penganut agama

Isu-isu agama	Agama					
	Islam n=273	Buddha n=82	Kristian n=44	Hindu n=73	Tao n=11	Sikh n=17
1. Isu penghinaan terhadap agama	2	1	2	2	1	3
2. Isu hak penjagaan anak	6	3	3	1	2	1
3. Isu tuntutan/perebutan mayat	8	6	4	4	3	3
4. Isu Malaysia negara islam/sekular	3	7	6	11	3	3
5. Isu tapak rumah ibadat	4	2	1	5	10	3
6. Isu hudud	5	4	9	8	5	1
7. Isu bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah	9	4	4	3	6	3
8. Isu kalimah Allah	1	11	11	8	8	3
9. Isu Bible Versi Bahasa Melayu	11	10	7	7	10	10
10. Isu pertukaran agama	7	8	8	10	6	11
11. Isu penyebaran agama lain	10	9	10	6	9	9

*Nota : "n" merujuk kepada bilangan responden*

## KESIMPULAN

Kajian ini secara keseluruhannya memberi petunjuk bahawa hubungan antara penganut pelbagai agama di Malaysia berada pada tahap yang baik. Tahap kefahaman dan persepsi secara umnya menunjukkan ianya dalam keadaan amat baik, namun begitu tahap prejudis perlu diberi perhatian.